BAB VII

# [illegible]

Professor K.C. Wheare mengatakan:

"the field of government is divided between a general authority and regional authorities which are not subordinate one to another but co-ordinate with each other."

Kenyataan di atas menunjukkan bahawa dalam bidangnya masing-masing tiap-tiap satu Negeri adalah mempunyai status yang sama. Akan tetapi jika ia dalam bidang Kerajaan Pusat, maka jika Negeri membuat undang-undang mengenainya maka undang-undang Pusat adalah mengatasi undang-undang Negeri. Di Malaysia kenyataan ini digambarkan dengan Perkara 75 yang menyatakan mana-mana peruntukan undang-undang Negeri sebanyak mana yang berlawanan dengan undang-undang Persekutuan.

Pada 1960 Parlimen telah meluluskan Local Government Elections Act,[1] tajuk panjang kepada Akta itu berbunyi:

"An Act for the purpose of ensuring uniformity

---

[1] Bilangan 11 tahun 1960.

of law and policy in respect of local government elections throughout the Federation and for matters incidental thereto."

Seterusnya Akta itu tidaklah mengandungi apa-apa recital lagi, tidak seperti Kanun Tanah Negara yang dengan jelasnya menyebut bahawa Kanun itu dibuat berdasarkan Perkara 76(4) walaupun demikian dapat difahamkan bahawa Local Government Elections Act ini adalah dibuat di bawah Perkara 76(4), ini kerana undang-undang itu tidak diterima (adopted) oleh mana-mana Dewan-dewan Undangan Negeri.[2]

Untuk Perkara 75 itu kita ada kes City Council of George Town v. The Government of the State of Penang,[3] nyataan kes itu ialah: Perayu-perayu memohon kepada Mahkamah Persekutuan bahawa Perintah Majlis Bandaraya Pulau Pinang (Pemindahan Tugas) 1966 dan Enakmen (Pindaan) (Pulau Pinang) Perbandaran 1966 adalah batal akibat Perkara 75 Perlembagaan Malaysia atas alasan bahawa undang-undang yang tersebut adalah berlawanan dengan Akta Pilihanraya Kerajaan Tempatan, 1960, iaitu suatu undang-undang Persekutuan. Permohonan dibuat bagi pihak responden untuk perintah supaya

---

[2] Undang-undang yang dibuat di bawah Perkara 76(4) tidak perlu diterima (adopted) oleh Dewan Negeri. Perkara itu sendiri mengecualikan dari penerimaan (adoption).

[3] [1967] 1 M.L.J. 169.

menolak rayuan atas alasan bahawa Mahkamah Persekutuan tidak mempunyai bidangkuasa di dalam perkara tersebut. Diputuskan bahawa Enakmen Negeri dan Peraturan yang dibuat di bawah Enakmen itu adalah berlawanan dengan undang-undang Persekutuan dan kerana yang demikian ia adalah tidak sah dan Mahkamah Persekutuan ada bidangkuasa untuk membuat perintah membatalkan Undang-undang itu.

Ong Hock Thye F.J. (pada masa itu) menyatakan:[4]

"... a State law is invalidated to the extent of any inconsistency therein with a Federal law, by Article 75, notwithstanding even that the State law may be within the competency of the State legislature."

Keputusan di atas menunjukkan bahawa bukan sahaja semua undang-undang Negeri yang dibuat, meskipun ia di dalam senarai perkara-perkara yang Negeri ada bidangkuasa membuatnya,[5] tetapi juga mengenai perkara-perkara dalam Senarai Bersama (Jadual IX) di mana undang-undang Persekutuan adalah mengatasi undang-undang Negeri.

Ini bermakna bahawa untuk tujuan menentukan perkara-

---

[4]*Ibid.*, halaman 170, perenggan 2.

[5]Perlembagaan Malaysia, Jadual Ke 9, Senarai II.

perkara yang di dalam senarai bersama, sesebuah Negeri tidaklah boleh membuat undang-undang yang berlawanan dengan Undang-undang Persekutuan. Contohnya yang mudah disini ialah katalah Kerajaan Negeri Selangor ini terlalu mementingkan kesihatan rakyat, maka ia membuat undang-undang mewajibkan doktor-doktor yang diberi biasiswa[6] oleh Kerajaan Selangor untuk berkhidmat kepada semua Kerajaan Negeri, Pusat atau dalam Kerajaan selama tempoh lima belas tahun. Dalam masa yang sama ada pula undang-undang Persekutuan yang hanya menyebutkan tempoh khidmat wajib kepada pemegang biasiswa selama sepuluh tahun, maka undang-undang Selangor itu adalah terbatal setakat yang berlawanan sahaja iaitu lebihan masa lima tahun, tetapi pemegang biasiswa adalah tetap kena berkhidmat selama sepuluh tahun, sepuluh tahun disini adalah sama dengan tempoh yang ditentukan oleh Undang-undang Pusat dan oleh itu ia tidak batal.

---

[6] Biasiswa ialah perkara bersama Pusat dan Negeri-negeri, lihat Perlembagaan Persekutuan, Jadual IX, Senarai III.